



**NO. SEBUT HARGA** : PL/(S) 86/2023(JK)  
**TARIKH** : 21 Ogos 2023

### **KENYATAAN SEBUTHARGA**

Sebut harga adalah dipelawa untuk Individu (Kad Pengenalan Warganegara) atau Syarikat yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan mempunyai **Lesen Perniagaan** bagi mengikuti tawaran pelupusan kenderaan berikut:

<b>Tajuk Perolehan</b>	<b>Syarat Kelayakan Pemohon</b>	<b>Tarikh dan Lokasi Pembayaran Deposit / Harga dan Lokasi Pengambilan Borang Sebut Harga</b>	<b>Taklimat dan Lawatan Tapak</b>	<b>Tarikh, Waktu Tutup Tawaran &amp; Tempat Penghantaran Dokumen</b>
<b>PELUPUSAN ASET KENDERAAN PL (ISUZU RODEO PICK-UP (CREW CAB) – LB372)</b>	<b>INDIVIDU</b> Kad Pengenalan (Warganegara)  <b>ATAU</b>  <b>SYARIKAT</b> SSM dan Lesen Perniagaan	<b><u>TARIKH DAN LOKASI PEMBAYARAN DEPOSIT</u></b>  <b>25.8.2023 sehingga 6.9.2023</b> (semasa waktu pejabat)  Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok B, Wisma Perbadanan Labuan  <b><u>HARGA DAN LOKASI PENGAMBILAN BORANG SEBUT HARGA</u></b> Borang adalah <b>PERCUMA</b> dan boleh diambil di Jabatan Kewangan, Tingkat 2, Blok A, Wisma PL	<b><u>TAKLIMAT (WAJIB)</u></b>  <b>25.8.2023 (8:30 pagi)</b>  Taklimat/ lawatan tapak akan diadakan di <b>STOR SEPUSAT PERBADANAN LABUAN</b>  <b><u>LAWATAN TAPAK</u></b>  <b>TIDAK WAJIB</b>	<b>7.9.2023</b> (8.00 pagi - 12.00 tengah hari)  Peti Sebut Harga No. 1  Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan

Bagi individu dikehendaki mengemukakan **Kad Pengenalan** dan **SATU SALINAN** kad pengenalan semasa membuat pembayaran deposit di Kaunter Bayaran dan dibenarkan mengambil dokumen sebut harga di Kaunter Jabatan Kewangan, Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan.

Bagi Syarikat dikehendaki mengemukakan **Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Lesen Perniagaan** yang masih sah tempohnya dan **SATU SALINAN** SSM dan Lesen Perniagaan semasa membuat pembayaran deposit di Kaunter Bayaran dan dibenarkan mengambil dokumen sebut harga di Kaunter Jabatan Kewangan, Tingkat 2, Blok A, Wisma Perbadanan Labuan.

Perbadanan Labuan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah. Semua perbelanjaan bersabit dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab individu/ syarikat sendiri. Dokumen sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang rayuan tidak akan dilayan. Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen sebut harga yang dihantar melalui pos.

Iklan di atas juga boleh di akses dengan melayari laman web rasmi Perbadanan Labuan di alamat [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my).